



31 Mac 2017
31 March 2017
P.U. (A) 92

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI EKSAIS 2017

EXCISE DUTIES ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA EKSAIS 1976

PERINTAH DUTI EKSAIS 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 6(1) Akta Eksais 1976 [*Akta 176*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Eksais 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2017.

Duti eksais

2. Duti eksais hendaklah dilevi ke atas dan dibayar oleh pengilang atau pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dikilangkan di Malaysia atau diimport ke dalam Malaysia yang disenaraikan dalam ruang (3) Jadual pada kadar penuh yang dinyatakan dalam ruang (5).

Pentafsiran kadar-kadar yang ditunjukkan dalam Jadual

3. Melainkan jika dinyatakan selainnya, kadar duti eksais yang dilevi di bawah perenggan 2 hendaklah —

(a) jika kadar duti eksais yang dilevi itu dinyatakan sebagai peratusan, dikira berdasarkan peratusan nilai barang-barang itu; dan

(b) jika kadar duti eksais yang dilevi itu dinyatakan sebagai sejumlah wang, dikira berdasarkan jumlah wang yang dinyatakan itu ke atas tiap-tiap unit yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual.

Rukun-rukun bagi pentafsiran Jadual

4. Pentafsiran Jadual hendaklah tertakluk kepada prinsip-prinsip dalam Perintah Duti Kastam 2017 [*P.U. (A) 5/2017*].

Singkatan dan simbol

5. Singkatan dan simbol yang digunakan dalam Jadual hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang ditunjukkan dalam Senarai Singkatan dan Simbol dalam Perintah Duti Kastam 2017.

Pembatalan

6. Perintah Duti Eksais 2012 [*P.U. (A) 350/2012*] dibatalkan.

EXCISE ACT 1976

EXCISE DUTIES ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by subsection 6(1) of the Excise Act 1976 [*Act 176*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Excise Duties Order 2017**.

(2) This Order comes into operation on 1 April 2017.

Excise duties

2. Excise duties shall be levied on and paid by the manufacturer or importer in respect of goods manufactured in Malaysia or imported into Malaysia listed in column (3) of the Schedule at the full rates specified in column (5).

Interpretation of rates shown in Schedule

3. Unless otherwise specified, the rates of excise duties levied under paragraph 2 shall—

(a) where the rate of excise duty levied is specified as a percentage, be calculated according to the percentage of the value of the goods; and

(b) where the rate of excise duty levied is specified as a sum of money, be calculated according to the the sum of money specified upon every unit specified in column (4) of the Schedule.

Rules for the interpretation of the Schedule

4. Interpretation of the Schedule shall be governed by the principles in the Customs Duties Order 2017 [*P.U. (A) 5/2017*].

Abbreviations and symbols

5. The abbreviations and symbols used in the Schedule shall have the meaning as shown in the List of Abbreviations and Symbols in the Customs Duties Order 2017.

Revocation

6. The Excise Duties Order 2012 [*P.U. (A) 350/2012*] is revoked.